

SUMBANGAN USTAZ AHMAD HARIS DALAM AL-QURAN DI TWITTER

USTAZ AHMAD HARIS' CONTRIBUTION IN THE QURAN ON TWITTER

Fatin Syaheera Binti Mohamed Mohni ¹
Fatin Mariatulqiftia Binti Samsudin ²
Nur Nabilah Binti Mohd Abdul Rahman ³
Syed Najihuddin bin Syed Hassan ⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: ssaheeramohni@gmail.com)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: fatinmaria00@gmail.com)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: nnbilah3@gmail.com)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

Article history

Received date : 7-8-2023
Revised date : 8-8-2023
Accepted date : 25-9-2023
Published date : 15-10-2023

To cite this document:

Mohamed Mohni, F. S., Samsudin, F. M., Mohd Abdul Rahman, N. N., & Syed Hassan, S. N. (2023). Sumbangan Ustaz Ahmad Haris Dalam Al-Quran Di Twitter. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 6 (11), 214 - 224.

Abstrak: Aplikasi Twitter merupakan salah satu rangkaian sosial yang membolehkan para pengguna menghantar dan membaca kiriman pesanan ringkas dan dikongsikan bersama kelompok yang disukai. Rentetan itu, aplikasi ini juga telah dinobatkan sebagai sebagai salah satu daripada 50 laman web yang paling popular di seluruh dunia dek kerana pertumbuhan pengguna baru mendaftar yang pesat dan masih mengekalkan kerelevanannya sehingga kini. Para agamawan yang dipercayai juga turut menceburkan diri mereka ke dalam platform ini untuk menyebarkan dan memberikan penerangan berkaitan mana-mana isu yang tercetus khususnya yang melibatkan akidah sebagai usaha untuk menarik minat masyarakat di luar serta membuktikan bahawa sesuatu ilmu itu mudah diakses pada zaman ini, antaranya Ustaz Ahmad Haris yang turut dikenali dalam kalangan pengguna Twitter. Ustaz Ahmad Haris merupakan seorang influencer di Twitter di mana beliau sering berkongsi berkenaan agama khususnya ilmu Tajwid Al-Quran dengan menubuhkan ruang atau dikenali sebagai space dan mengadakan bacaan al-Quran yang dihadiri oleh pengguna-pengguna Twitter yang lain. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif di mana akan menemu ramah beliau bagi mendapatkan maklumat-maklumat mengenai dirinya agar dapat membantu dalam kajian yang akan dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat banyak sumbangan beliau dalam agama khususnya bidang tajwid Al-Quran dan beliau turut aktif dalam menyampaikan ilmu di pelbagai media sosial khususnya di aplikasi Twitter. Dapat disimpulkan bahawa dengan adanya teknologi-teknologi terkini dan platform-platform yang dapat membantu proses penyebaran dakwah dilakukan dengan lebih progresif.

Kata Kunci: *Twitter, Al-Quran, Tajwid, teknologi terkini, era globalisasi*

Abstract: *The Twitter application is one of the social networks that allows users to send and read short messages and share them with groups they like. Therefore, this application has also been named as xdone of the 50 most popular websites worldwide deck because of the rapid growth of newly registered users and still maintains its relevance until now. Trusted religious people also ventured into this platform to disseminate and provide information related to any issues that arise, especially those involving faith as an effort to attract the interest of the community outside and prove that knowledge is easily accessible in this day and age, among them Ustaz Ahmad Haris who is also known among Twitter users. Ustaz Ahmad Haris is an influencer on Twitter where he often shares about religion, especially the knowledge of Tajwid Al-Quran by establishing a space or known as a space and holding al-Quran readings attended by other Twitter users. This study uses a qualitative method where he will be interviewed to obtain information about himself in order to help in the study that will be conducted. The findings of the study show that there are many of his contributions in religion, especially in the field of Al-Quran tajwid, and he is also active in imparting knowledge on various social media, especially on the Twitter application. It can be concluded that with the latest technologies and platforms that can help the process of spreading da'wah to be done more progressively.*

Keywords: *Twitter, Al-Quran, Tajwid, latest technology, era of globalization*

Pendahuluan

Bidang dakwah merupakan salah satu bidang yang luas dimana merangkumi keseluruhan aspek seperti kehidupan, tatacara, kesihatan dan sebagainya. Dengan adanya teknologi terkini, ianya merupakan salah satu ruang dan peluang untuk menyebarkan dakwah melalui platform media sosial yang kini semakin gemar digunakan oleh masyarakat terkini. Sebagai contoh aplikasi *Instagram, Whatsapp, Facebook dan Twitter*. Dengan adanya media sosial ini, ianya dapat membantu para pendakwah mahupun guru-guru untuk menyampaikan maklumat berkaitan dengan pengajian agama. Firman Allah di dalam Al-quran:

هُم وَأَوْلَٰئِكَ ۖ الْمُنْكَرِ عَنِ وَيَنْهَوْنَ ۖ بِالْمَعْرُوفِ وَيَأْمُرُونَ ۖ الْخَيْرِ إِلَىٰ يَدْعُونَ ۖ أُمَّةً مِّنْكُمْ وَلَتَكُنَّ
﴿الْمُفْلِحُونَ﴾ ١٠٤٤

“Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya”.

(Surah Ali Imran: 104)

Ilmu-ilmu pengetahuan serta pembelajaran untuk mengajar di media sosial turut mendapat sambutan hangat kerana ianya juga merupakan medan untuk mendapatkan ilmu diluar kelas mahupun diluar pengajian. Melihat kepada konteks ini, dapat dinyatakan bahawa ilmu pengetahuan bukan sahaja hanya dapat didalam kelas ketika sesi pengajaran dan pembelajaran, malah ianya juga dapat diluar kelas dengan cara mencari di laman media sosial. Ianya juga termasuk juga ilmu tajwid dimana mempunyai kaitan dengan bacaan Al-quran. Dapat dilihat bahawa ilmu tajwid saban hari ianya menjadi satu ilmu yang amat penting untuk mempelajari

Al-quran kerana tanpa adanya ilmu tajwid ini, seluruh manusia akan membaca Al-quran dengan mengikut cara tersendiri.

Kecaknaan terhadap ilmu tajwid perlu dititik beratkan di setiap lapisan masyarakat agar masyarakat tidak sewenang-wenangnya membaca Al-quran tanpa mengetahui hukum-hukum tajwid yang perlu dipelajari sebelum membaca Al-quran. Hal ini juga, dapat membantu diri, keluarga dan masyarakat untuk mengenal dan mengetahui hukum-hukum tajwid dengan baik agar ianya dapat disampaikan kepada generasi seterusnya. Dengan adanya platform media sosial ini sebagai contoh twitter, ianya juga dapat membantu dan mengajar secara tidak langsung berkenaan dengan ilmu tajwid dengan baik kepada masyarakat.

Seterusnya, bidang pengajian Al-quran juga turut didapati di platform media sosial. Di dalam jurnal ini, Ustaz Ahmad Haris sebagai ikon *Twitter* dalam pengajian Al-quran dimana beliau menjemput masyarakat untuk turut sertai beliau mengaji dan membaca Al-quran bersama-sama di dalam *space* yang disediakan oleh beliau sendiri. Beliau bukan sahaja mengajak masyarakat untuk bersama-sama membaca Al-quran, akan tetapi beliau turut serta berkongsi tentang hadis-hadis, berita-berita terkini, kata-kata dan video yang berkaitan dengan Al-quran, fadhilat dan mutiara kata yang dapat membantu masyarakat untuk lebih cakna dengan isu-isu semasa sekaligus dapat menyebarkan manfaat kepada mereka tanpa mengira tempat.

Objektif bagi kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenali Ustaz Ahmad Haris dimana beliau menggunakan *twitter* sebagai platform utama dalam mengajar Al-quran kepada masyarakat. Seperti yang diketahui, platform *twitter* ini, merupakan platform dimana tempat sebaran isu-isu semasa hangat yang mana dapat menarik perhatian masyarakat di Malaysia tanpa mengenal umur dan bangsa. Walau bagaimana pun, ianya dapat menarik perhatian kerana Ustaz Ahmad Haris menjadikan platform ini untuk membantu dan mengajak masyarakat untuk membaca Al-quran.

Selain itu, beliau turut mempunyai channel telegram beliau tersendiri bagi menyampaikan maklumat-maklumat daripada akaun *twitter*nya sendiri. Di akaun telegram itu, dapat disimpulkan bahawa usaha Ustaz Ahmad Haris untuk mengajak masyarakat tiada tandingnya. Persoalannya, mengapakah beliau lebih memilih platform twitter sebagai media sosial utama bagi sesi mengajar dan membaca Al-quran bersama-sama beliau? Adakah platform ini merupakan platform paling diminati masyarakat Malaysia?

Secara umumnya, platform twitter ini tidak asing lagi bagi masyarakat Malaysia khususnya dek kerana ianya sudah menjadi media sosial utama dalam membaca dan mendapatkan maklumat secara alam maya. Walau bagaimana pun, masyarakat perlulah sentiasa berhati-hati dalam memilih sesuatu dapatan ilmu yang mereka temui di platform twitter ini. Disini, dapat dilihat dan dinilai bahawa twitter bukan platform untuk mengetahui isu-isu semasa semata-mata sahaja, walhal ianya dapat menjadikan platform untuk menyampaikan dakwah, mengajar Al-quran bersama-sama dengan masyarakat.

Metodologi kajian yang digunakan adalah kajian kualitatif dimana menurut sumber internet kajian kualitatif ini menggunakan sampel yang kecil serta ianya tertumpu kepada individu, peristiwa dan konteks tertentu bagi sesuatu kajian yang ingin dikaji. Pengkaji akan membuat temuduga kepada Ustaz Ahmad Haris bagi mengumpulkan informasi-informasi berkaitan dengan pengajian Al-quran yang disampaikan oleh Ustaz Ahmad Haris.

Kajian Literatur

Menjalankan kajian literatur membolehkan pengkaji untuk memperoleh pengetahuan yang mendalam dan mengenal pasti bidang sesuatu topik yang masih belum diteliti secara menyeluruh. Oleh itu, matlamat kajian literatur adalah untuk membantu penyelidik memperoleh asas pengetahuan mengenai topik dan mengenal pasti ketidakkonsisten dalam jurang penyelidikan, konflik dalam kajian lepas dan pelbagai soalan terbuka yang ditinggalkan oleh penyelidikan terdahulu.

Penggunaan Media Sosial Dalam Kehidupan

Dalam era globalisasi kini, media sosial dilihat sebagai satu medium yang digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat tanpa mengira usia. Hal ini kerana, medium ini telah mendapat kepercayaan masyarakat dalam sumber mendapatkan pelbagai informasi dengan keadaan mudah dan pantas. Ini sekaligus memudahkan penyebaran dakwah kepada masyarakat dilakukan kerana amnya dapat dikatakan hampir setiap individu mempunyai akses kepada jaringan internet dan media sosial Melalui kajian daripada Zahra Mardani Landani (2014) iaitu International Islamic University Malaysia (IIUM) Lecturer's use of Social Network Sites (SNS) for Teaching: Student's perception and its Influence on their Satisfaction. Pengkaji telah menjalankan tinjauan dalam kalangan mahasiswa mahasiswi terhadap kepuasan mereka menerima informasi daripada pihak pengajar menerusi media sosial dan hasil kajian mendapati kaedah pembelajaran sedemikian berhasil dalam memudahkan para pelajar untuk menerima dan memahami ilmu pengetahuan dalam keadaan mudah dan pantas. Hal ini menunjukkan bahawa media sosial memberikan impak yang positif dalam sektor pendidikan.

Bahkan, media sosial juga dikatakan efektif sebagai medium dalam penyebaran dakwah Islam kepada masyarakat. Fadly Usman (2016) dalam kajian Efektivitas Penggunaan Media Online sebagai Sarana Dakwah, menjelaskan bahawa berdasarkan hasil penelitian daripada kajian tinjauan yang telah dilakukan, beliau mendapati bahawa dari peringkat pelajar sehingga peringkat pekerja telah memanfaatkan telefon pintar untuk mendapatkan informasi berkenaan agama dan dakwah. Hal ini menunjukkan bahawa bahan-bahan dakwah Islam yang disampaikan melalui media sosial adalah sangat bermanfaat dan efektif khususnya bagi pengguna telefon pintar. Kenyataan ini juga disokong oleh kajian Perkembangan Aplikasi Mudah Alih dalam Penyebaran Dakwah Islam oleh khodijah Abdul Rahman, Rafiza Kasbun dan Mohd Nufan Mohd Suhaini (2015) yang mengatakan bahawa penggunaan aplikasi telefon adalah alternatif terkini dalam menyampaikan dakwah secara cepat dan pantas tanpa mengira kedudukan lokasi mahupun keadaan. Tambahan lagi, beliau menegaskan bahawa masyarakat perlu memanfaatkan kewujudan pelbagai media sosial yang disediakan dengan menjadikan sebagai medium dakwah yang berkesan sama ada dalam konteks menerima atau menyebarkan ilmu pengetahuan berkenaan dakwah Islam. Hal ini jelas membuktikan bahawa dalam usaha untuk menyebarkan dakwah, seseorang itu perlu menyesuaikan diri selari dengan perkembangan teknologi dari masa ke semasa. Buktinya, media sosial kini telah menjadi medium yang paling berkesan dalam inisiatif menyebarkan dakwah di Malaysia.

Penyebaran Dakwah Di Media Sosial

Seiring dengan perkembangan teknologi kini, dilihat semakin ramai pendakwah atau turut dikenali sebagai dai yang mula menceburkan diri dalam media sosial sebagai salah satu inisiatif mereka dalam menyebarkan dakwah. Menerusi satu kajian daripada Mustika Septiana Sari (2019) iaitu Analisis Bacaan Al-Quran Daiyah Selebriti, kewujudan media sosial telah mengakibatkan munculnya deretan dai selebriti dan menjadi sorotan media serta dikenali masyarakat. Hal ini demikian kerana cara penyampaian mereka berkenaan isu-isu agama

khususnya dalam bidang tajwid al-Quran telah berjaya menarik perhatian pengguna media sosial mendalaminya. Ini merupakan satu signifikan yang bagus namun begitu pengkaji berpendapat penelitian yang mendalam perlu dilakukan terhadap bacaan al-Quran yang dibawa oleh para daiah selebriti kerana kadang kala ada ditemui dalam kalangan mereka yang tidak menggunakan kaedah ilmu tajwid yang sebenarnya. Ini adalah satu isu atau masalah yang perlu ditangani oleh pihak berwajib kerana bimbang kesesatan ini akan menular dalam kalangan masyarakat.

Sumbangan Agamawan Di Media Sosial

Akhir sekali, terdapat banyak kajian terdahulu yang menceritakan tentang ketokohan pendakwah di media sosial seperti Ustaz Azhar Idrus dalam kajian *Kepelbagaian Medium Dakwah Ustaz Azhar Idrus* oleh Omar Nazri (2022), *Ketokohan Ustaz Ahmad Adnin bin Roslan dalam Bidang Dakwah* oleh Asnorul Aishah Mosman dan Fatini Mawaddah Dormadi (2022) serta *Ketokohan Ustaz Mohd Tarmizi dalam Bidang Dakwah* oleh Mohammad Akmal Mohd Fauzi (2021). Kajian-kajian ini kesemuanya merupakan inisiatif para pengkaji meneroka latar belakang pendakwah serta ketokohan mereka supaya dapat dijadikan teladan kepada masyarakat awam dalam sudut kepimpinan mereka dan kegigihan mereka dalam berdakwah.

Oleh itu, kajian ini ingin mengkaji berkenaan ketokohan Ustaz Ahmad Harris dalam bidang dakwah khususnya dalam pembacaan al-Quran di media sosial. Hal ini kerana, menerusi kajian literatur yang telah dilakukan, didapati para pengkaji kurang menyentuh ketokohan pendakwah dalam bidang Al-Quran dimana pengkaji berpendapat adalah wajar untuk meneroka latar belakang pendakwah yang sering memperdengarkan bacaan al-Quran di media sosial supaya kreadibiliti mereka dapat dibuktikan kepada masyarakat awam. Tuntasnya, kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat sekaligus memberi garis panduan kepada masyarakat awam dalam memilih pendakwah yang ingin dirujuk dengan lebih berhati-hati dan diyakini.

Definisi Twitter

Media sosial merupakan medium pilihan pengguna untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Antara media sosial yang dikenali dan telah mendapat sambutan yang hangat dalam kalangan pengguna adalah Twitter tanpa mengira usia tua atau muda, Fazira (2021).

Twitter merupakan sebuah platform yang membolehkan para penggunanya berinteraksi secara alam maya meskipun berada di kawasan yang berbeza. Platform ini mula ditubuhkan sekitar Mac 2006, yang diasaskan bersama empat pengasas iaitu Jack Dorsey, Noah Glass, Evan Williams dan Biz Stone lalu dilancarkan secara rasmi pada Julai tersebut. Platform ini memberi akses kepada pengguna untuk mengirim ciapan atau dikenali sebagai *Tweet* terhad kepada 140 patah perkataan untuk dikongsikan bersama pengguna yang lain, malahan pengguna juga boleh berkongsi ciapan berbentuk gambar atau format saling tukar grafik, singkatnya dikenali sebagai *gif*.

Seiring dengan perkembangan teknologi, aplikasi Twitter ini telah mengalami inovasi dengan menambahkan ciri-ciri baru iaitu satu ruang audio langsung ditubuhkan di Twitter yang dikenali sebagai *Spaces* sekitar tahun 2021. Akses ini telah mendapat sambutan yang hangat dalam kalangan pengguna, tambahan ketika itu seluruh negara telah mengalami perintah berkurung (*lockdown*) akibat pandemik COVID-19. Hal ini kerana, akses ini membolehkan para pengguna

untuk mengadakan satu ruang perbincangan dan setiap pengguna mendapat hak untuk berbicara dan mendengar.

Selain itu, platform ini turut mendapat perhatian dalam kalangan ustaz dan ustazah dalam menjadikan ia sebagai peluang dalam menyebarkan dakwah agama. Hal ini kerana, mereka melihat platform ini sesuai dijadikan sebagai pusat dalam menimba ilmu dan meluruskan segala salah faham dalam agama yang boleh memecah-belahkan umat Islam jika tidak dicegah. Islam memerintahkan umatnya untuk belajar dan menggunakan ilmunya untuk menjadi khalifah Allah dan sebagai pemimpin di muka bumi. Ilmu sangat penting bagi umat Islam, serta terdapat banyak bukti yang telah diceritakan di dalam Quran. Hal ini dibuktikan dengan wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, yang menyuruh kita untuk mempelajari ilmu.

Suruhan ini telah diceritakan di dalam surah al-Alaq ayat 1-5 yang berfirman:

أَفْرَأْ بِأَسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ (١) خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ (٢) أَفَرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ (٣) الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ (٤)
عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ (٥)

“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya”.

Seterusnya, kepentingan mempelajari ilmu agama agar kita mengenal pencipta Hal ini kerana, di dalam al-Quran terdapat 750 kali perkataan “ilmu” yang telah disebutkan. Orang yang berilmu dipandang mulia serta dihormati. Hal ini dapat dibuktikan di dalam surah al-Zumar ayat ke-9 yang bermaksud:

أَمْ مَنْ هُوَ قَانِتٌ أَنَاءَ اللَّيْلِ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَحْذَرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُوا رَحْمَةَ رَبِّهِ ۗ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا
يَعْلَمُونَ ۗ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولَٰئِكَ الْأَلْبَابِ (٩)

(Apakah kamu orang musyrik yang lebih beruntung) ataukah orang yang beribadah pada waktu malam dengan sujud dan berdiri, karena takut kepada (azab) akhirat dan mengharapkan rahmat Tuhannya? Katakanlah, “Apakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?” Sebenarnya hanya orang yang berakal sehat yang dapat menerima pelajaran.

Dapat disimpulkan bahawa peranan ilmu adalah sangat penting pada masa kini kerana ilmu mampu mencorak persepsi diri seseorang umat islam.

Ustaz Ahmad Haris Bin Abdul Kadir

Pada era globalisasi kini, remaja tidak asing lagi dan sangat akrab kerana remaja masa kini setiap masa berada dengan telefon bimbit. Justeru, menurut Aemy Aziz (2021), para pendakwah mempunyai peluang yang baik untuk berkongsi dan kreatif dalam membina sebuah kandungan berisi dakwah yang sesuai untuk menarik minat masyarakat khususnya remaja dalam mempelajari ilmu terutamanya berkaitan agama. Dakwah pada masa kini difahami sebagai versi dakwah yang aplikasi, sumber, strategi, dan kaedahnya selaras dengan kehendak masyarakat kontemporari. Secara ringkasnya, dakwah pernah dilakukan secara tradisional, tetapi kini boleh dilakukan secara digital. Dan kajian ini mengkhususkan kepada sumbangan seorang ustaz di

Twitter dalam memperbetulkan serta mengajar ilmu berkaitan tajwid kepada para pengguna, iaitu Ustaz Ahmad Haris.

Biodata

Antara salah seorang pendakwah yang bergiat aktif di platform Twitter, Ustaz Mohamad Roni Bin Abdul Kadir atau lebih dikenali sebagai Ustaz Ahmad Haris. Beliau berumur 37 tahun dan dilahirkan di Ipoh, Perak, sudah mempunyai seorang isteri dan telah dikurniakan enam orang cahaya mata. Kemudian pada tahun 2017, beliau telah berhijrah dan menetap di Muar, Johor atas faktor keluarga. Beliau memulakan awal pendidikan di ST Michael, Perak pada umur tujuh tahun hingga ke tingkatan tiga, lalu berpindah ke Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Intan dan menamatkan sekolah menengah di sekolah tersebut.

Selepas itu, beliau melanjutkan pelajaran di Politeknik Ungku Omar Ipoh, Perak dalam jurusan kejuruteraan mekanikal selama tiga tahun. Semasa di alam universiti, beliau sangat aktif dalam menghadiri kelas agama seperti tauhid, hadis dan sirah nabi di masjid kampus tersebut. Meskipun beliau telah menamatkan pembelajaran dan bergraduasi, beliau masih meneruskan kegiatan beliau dalam menghadiri kelas agama serta mengambil peluang dengan berkhidmat sebagai guru mengaji di kampus tersebut.

Pada tahun 2011, beliau telah dilamar oleh sebuah syarikat dengan menyandang sebagai seorang juruteknik dan dinaikkan pangkat sebagai penyelia di industri tersebut. Namun dek kerana kecenderungan beliau terhadap agama yang tinggi, beliau mengambil keputusan untuk mengundurkan diri dari syarikat tersebut dan menubuhkan sebuah pusat mengaji Al-Quran di sekitar kawasan perumahan beliau yang dikenali sebagai Kelas Mengaji Al-Baghdadi dan mempunyai sekitar enam orang tenaga pengajar. Pada tahun 2016, beliau juga menceburi bidang perniagaan sebagai salah seorang stokis Sawanah Wow di daerah Muar, yang menjual produk kopi, susu kambing, koko dan madu kelulut.

Latar Belakang Pendidikan Dan Pencapaian

Kelayakan akademik beliau iaitu Sijil Tauliah Mengajar Al-Qur'an Negeri Johor pada (April 2018), Sijil Tauliah Mengajar Agama Negeri Perak (April 2017), Sijil Asas Perguruan Al-Quran, Al-Baghdadi (2021), Sijil Sanad Al-Qur'an, Juzuk 'Amma daripada Syekh Sameh Al-Misri (Jun 2018), Sijil Perunding Tajwid Al-Baghdadi (2017), Sijil Perunding Tahfiz Neuro-Nadi Al-Baghdadi (2016), Sijil Perunding Teknik Al-Baghdadi (2012), Sijil Pendidikan Iqra' & Al-Qur'an (2005), Diploma Kejuruteraan Mekanikal PUO (2006) dan kini beliau sedang mengikuti Pengajian Sijil Talaqi Al-Qur'an Bersanad 30 Juzuk.

Justeru, beliau juga mempunyai beberapa pencapaian yang telah diperoleh antaranya telah dijemput sebagai panel jempunan Radio Bernama pada 28 Mei 2020, Penceramah Slot Tajwid Online: Makhraj dan Sifat Huruf anjuran MPP UTHM Cawangan Pagoh (Okt 2021), Pengasas syarikat Kelas Mengaji Al-Jauhar (Januari 2019 hingga kini), Penceramah di masjid, sekolah dan universiti sekitar Perak, Johor dan Negeri Sembilan. (Mei 2018 hingga kini), Jurulatih Memanah Tradisional (November 2018 hingga kini), Pengasas dan Pengarah syarikat MOTEAM (Muslim Outdoor Team) iaitu syarikat yang menganjurkan dan menjalankan program riadah dan aktiviti lasak dan juga menganjurkan kursus, latihan, motivasi dan seminar (Feb 2018 hingga kini), Pengasas syarikat Syabab Muslim iaitu syarikat yang menjual produk keluaran muslim dan menganjurkan program Indoor serta Outdoor (2012 hingga kini), Guru Al-Qur'an sepenuh masa di Pusat Pengajian Quran dan Tahfiz Hajjah Ramlah untuk kelas Asas, Tajwid, Talaqi dan Tahfiz (Ogos 2017 hingga Disember 2018), Penceramah dan Motivator

Remaja dari tahun 2011 hingga kini. Antaranya, Penceramah Motivasi “Pelajar Cemerlang” di SMK Tengku Mahkota, Muar Johor (Okt 2019), Penceramah Motivasi “Pelajar Cemerlang” di Sek. Agama Sawah Ring, Ledang Johor (April 2019), Penceramah “Karnival Al-Fateh” anjuran Kolej Kediaman UTHM Cawangan Pagoh. (Mac 2019), Penceramah “Tahsin Al-Fatihah” dalam slot Kem Anak Soleh anjuran bersama Jawatankuasa Penduduk Kg Jambu Batu 8 dan Jabatan Penerangan Negeri Sembilan (Mac 2019), Penceramah “Maulidur Rasul” anjuran Pusat Islam Politeknik Ungku Omar (2017), Penceramah “Menjana Syakhsiyah Cemerlang”, Kolej Matrikulasi Johor (Julai 2014), Penceramah “Kuliyah Bulanan” di SM Teknik Gerik, Perak. (Sepanjang 2011). Kemudian, Pemilik dan Pengurus Al- Baghdadi Learning Centre Tasek, Ipoh Perak (2012-2017), Penulis Modul Pra-Talaqqi Al-Qur’an (2015), Guru Tamhid dan Tajwid Al-Qur’an Teknik Al-Baghdad, Iqra’ dan Al-Matien (2012 hingga 2017), Guru Tahfiz Al-Qur’an Teknik Tradisional dan Teknik Neuro Al-Baghdadi (2016 hingga kini), Guru Talaqi Al-Qur’an Bertajwid (2012 hingga kini), Guru Asas Bahasa Arab kaedah Harfiyah (2014 hingga 2015) dan Usahawan produk minuman buatan muslim (Stokis SAWANAH, 2016 hingga kini).

Tambahan juga, beliau mempunyai kepakaran dalam mengajar 4 tahap ilmu Al-Qur’an iaitu Asas, Tajwid, Talaqi dan Tahfiz dengan pelbagai teknik iaitu Tradisional, Al-Baghdadi, Iqra’, Al-Matien, Al-Jauhar dan Neuro. Seterusnya, merupakan penceramah motivasi kepada remaja dimana beliau acap kali menganjurkan program dalaman dan luaran. Beliau juga berbakat dalam penulisan dakwah santai di media sosial khusus untuk remaja dan mempunyai seramai 23 ribu pengikut di Twitter dan 3.6 ribu pengikut di Telegram.

Sumbangan Luar

Atas faktor keluarga yang mendesak, Ustaz Haris dan isterinya yang merupakan pengasas bersama bagi Kelas Mengaji Al-Baghdadi di Ipoh, Perak, mereka telah mengambil keputusan untuk menutup cawangan tersebut dan menubuhkan Kelas Mengaji Al-Jauhar di Muar, Johor. Kelas mengaji Al- Quran ini ditubuhkan pada tahun 2019, kemudian secara rasmi telah diberi nama kelas mengaji Al- Jauhar pada tahun 2021.

Objektif penubuhan kelas mengaji ini adalah untuk memenuhi permintaan masyarakat terutamanya penduduk di sekitarnya dengan menubuhkan satu kelas mengaji secara bersemuka mahupun atas talian supaya dapat diikuti oleh masyarakat tanpa mengira peringkat umur. Kelas mengaji ini mempunyai seramai 13 orang tenaga pengajar, 8 orang perempuan dan 5 orang lelaki. Syarat pemilihan guru mestilah berumur 21 tahun keatas dan boleh mengaji Al-Quran dengan lancar dan baik. Penetapan umur yang ditetapkan untuk mengikuti kelas mengaji ini bermula pada umur 4 tahun.

Seterusnya, sesi pembelajaran bersemuka kelas mengaji ini dijalankan seminggu sekali iaitu satu sesi selama 20 minit untuk kanak-kanak berumur 4 tahun keatas dan 30 minit untuk dewasa berumur 18 tahun keatas. Yuran yang dikenakan sebanyak RM40 kanak-kanak dan RM90 dewasa. Kelas mengaji ini juga ditawarkan secara percuma kepada mualaf, ibu tunggal, anak yatim dan golongan orang kurang upaya (OKU). Subjek yang diberikan tumpuan ialah Iqra, Al-Quran, dan Talaqi bertajwid secara berperingkat. Antara salah satu keunikan yang dianjurkan oleh kelas mengaji ini ialah pelajar yang berjaya mengkhatam Al-quran 30 juzuk dan menghabiskan sesi pembelajaran akan diraikan melalui hari graduasi.

Sumbangan Di Twitter

Beliau merupakan antara yang banyak menyumbang serta menyampaikan dakwah beliau kepada orang ramai melalui laman media sosial Twitter. Beliau telah menceburi dakwah dalam

twitter bermula pada tahun 2015. Pada tahun 2019 beliau telah kehilangan akaun twitternya kemudian membuka akaun baru untuk meneruskan dakwah di twitter. Selain itu, beliau mempunyai akaun telegram untuk berkongsi ilmu beliau kepada masyarakat di luar.

Pada tahun 2020, beliau mula berinisiatif dalam mewujudkan kelas mengaji di *space twitter* dan dilakukan secara serentak di *Facebook live*. Beliau mendapati bilangan yang menyertai di *space twitter* sebanyak 3,000 peserta malah turut dihadiri juga *influencer* seperti Ustaz Irwan, Faizal Tahir dan beberapa orang lagi. Bilangan yang menyertai *space Twitter* adalah dalam kalangan majoriti anak muda terutama pelajar lingkungan umur 17 tahun keatas kerana mereka lebih pantas mengetahui perkembangan di Twitter, namun begitu turut ada mereka yang berumur 30 tahun yang menyertai. Oleh itu, beliau melihat bahawa platform Twitter ini adalah satu platform yang bagus dalam menarik perhatian masyarakat khususnya remaja dan orang muda untuk mempelajari dan mendalami ilmu agama, khususnya ilmu tajwid yang mana ilmu ini sangat penting untuk dipelajari kerana ia diperlukan untuk membaca Al-quran dengan betul.

Nama beliau mula dikenali di pengguna twitter apabila satu ciapan beliau yang menegur dan memperbetul bacaan dalam solat terhadap satu video yang telah menular di Twitter ketika itu. Dan tanpa disangka, ciapan beliau telah mendapat perhatian dan dikicaukan semula oleh para pengguna yang lain sehinggakan terdapat segelintir pengguna yang berhubung secara persendirian meminta beliau menyemak bacaan ayat Al-quran mereka. Oleh itu, beliau akhirnya mengambil keputusan untuk mengadakan kelas mengaji sebagai satu inisiatif beliau dalam membantu mereka untuk membaca ayat Al-quran dengan tajwid yang betul.

Antara perkara yang menarik ditawarkan ialah kelas mengaji di *space Twitter* ini dilakukan secara percuma tanpa perlu melakukan sebarang pembayaran. Seterusnya, Program “Jom Khatam Quran 5 bulan” dijalankan setiap hari pada pukul 7:50 hingga 8:15 dan “Jom Khatam Quran di Bulan Ramadhan”. Program “Jom Khatam Quran di Bulan Ramadhan” ini terbahagi kepada dua sesi iaitu pertama setiap hari pada jam 1:25 hingga 2:00 petang dan sesi kedua pada jam 10:00 hingga 10:45 malam. Pada setiap hari jumaat diadakan pada jam 2:15 hingga 2:40 petang yang bertemakan 1 hari 1 juzuk.

Di samping itu, antara faktor yang mendorong beliau bergiat dalam mengadakan kelas mengaji di *space Twitter* ialah sebagai salah satu cara untuk memberi sumbangan kepada masyarakat di luar dan untuk mengisi kepongkangan di Twitter. Hal ini kerana, beliau mendapati bahawa hanya orang Arab sahaja yang menggunakan *space* di Twitter dan perkara ini menyukarkan orang melayu untuk memahami penyampaian dalam bahasa arab. Justeru, beliau mengambil inisiatif untuk menjadi salah seorang yang menyampaikan dakwah di Twitter supaya dapat membantu lebih ramai masyarakat terutamanya umat islam.

Walaupun bagaimanapun, terdapat cabaran dan kekangan yang dihadapi sepanjang beliau bergiat aktif di Twitter antaranya dari segi masa. Hal ini kerana, masa beliau banyak terluang dalam berdakwah di media sosial sehinggakan beliau terpaksa mengorbankan masa untuk berehat dan meluangkan masa bersama ahli keluarga. Namun begitu, beliau mampu mengharunginya kerana semangatnya yang tinggi serta sokongan daripada ahli keluarga khususnya isteri beliau. Seterusnya, pada tahun 2017 beliau telah mendapat kecaman di Twitter oleh golongan liberalism yang sering menghantar ciapan yang buruk dan hina terhadap beliau. Akan tetapi, beliau tidak menjadikan ia sebagai halangan untuk meneruskan dakwahnya. Hal ini kerana, jika beliau ingin menjawab persoalan isu yang timbul iainya terlalu banyak untuk dijawab maka beliau menahan diri untuk menjawab dan ianya merupakan satu cabaran bagi beliau. Yang

terakhir, beliau mendapati adalah sukar untuk mencari rakan seperjuangan dakwah yang sama - sama boleh membantu berdakwah di media sosial. Oleh itu, beliau membuat pilihan untuk berdakwah secara sendirian dan menyerahkan sepenuhnya dalam jagaan Allah.

Oleh itu, amatlah besar harapan beliau kepada masyarakat di luar agar ilmu-ilmu agama ini dapat disebarkan khususnya kepada mereka yang mempunyai ilmu dalam bidang ini untuk memanfaatkan medium yang ada supaya budaya mempelajari ilmu agama itu sentiasa berlaku sepanjang masa.

Kesimpulan

Platform *twitter* tidak asing lagi bagi kesemua peringkat umur dan jantina tetapi ianya bergantung kepada cara mereka menjadikan dan menggunakan platform ini sama ada ianya membawa kearah kebaikan atau sebaliknya. Sebagaimana Ustaz Ahmad Haris, beliau memilih platform *twitter* ini sebagai medan pengajian ilmu iaitu pengajian Al-quran dimana mengajak masyarakat turut membaca bersama-sama beliau sekaligus dapat mewujudkan dan menghidupkan suasana bacaan Al-quran di media sosial. Platform media sosial juga mempunyai kesan yang positif dimana ianya dapat menyebarkan lagi perkongsian-perkongsian ilmu bagi tujuan untuk mengulangkaji mahupun sebagai ilmu tambahan kepada diri, keluarga dan masyarakat. Kesimpulannya, pilihan beliau amat bijak dalam mengajarkan Al-quran di *twitter* kerana platform ini menjadi tumpuan utama dan sangat mashur dikalangan masyarakat setempat. Semoga dengan usaha yang dilakukan oleh beliau ini, dapatlah bersama-sama masyarakat untuk menjadikan Al-quran sebagai amalan didalam kehidupan seharian.

Rujukan

Al-Quran

Facebook BERNAMA Radio.

Aemy Aziz, Muhammad Anas Ibrahim, Muhammad Saiful Islam Ismail, Syaimak Ismail, (2021), Voice of Academia, Kepentingan dan Saranan Menuntut Ilmu Menurut Islam Berdasarkan Dalil Al-Quran dan As-Sunnah.

Azzman, T. S. A. T. M., & Manaf, A. M. A. (2018). Religiosity and Its Impact on Twitter Use and Viewing of Islamic Reality Television Shows among University Students in Malaysia (Pengaruh Keagamaan Terhadap Penggunaan Twitter dan Tontonan Program Realiti Islamik Dikalangan Pelajar Universiti di Malaysi). *Journal of Islam in Asia (E-ISSN 2289-8077)*, 15(3), 356-382.

Fathurrahman 'Arif Rumata, Muh.Iqbal, Asman, (2021), Walisongo, Dakwah digital sebagai sarana peningkatan pemahaman moderasi beragama dikalangan pemuda.

Gerring, J. (2017). Qualitative methods. *Annual review of political science*, 20, 15-36.

Hassan Basri, (2017), Peran media Sosial Twitter dalam Interaksi Sosial Pelajar Sekolah Menengah Pertama di Kota Pekanbaru

Khairul, K., & Haramain, M. (2018). Aplikasi Digital Risalah Ilmu Tajwid dalam Meningkatkan Kemampuan Baca Alquran. *KURIOSITAS: Media Komunikasi Sosial dan Keagamaan*, 11(2), 145-157.

Khodijah Abdul Rahman, Rafiza Kasbun & Mohd Nufan Mohd Suhaini (2015). Perkembangan Aplikasi Mudah Alih dalam Penyebaran Dakwah Islam.

Landani, Z. M. (2014). *International Islamic University Malaysia (IIUM) lecturers use of social network sites (SNSs) for teaching: students perception and its influence on their satisfaction* (Master's thesis, Kuala Lumpur: Kulliyah of Education, International Islamic University Malaysia, 2014).

- Mosman, A. A., Darmadi, F. M., Islam, F. P., & Osman, K. KETOKOHAN USTAZ AHMAD ADNIN BIN ROSLAN DALAM BIDANG DAKWAH.
- Mohd Suhaini, M. N. Perkembangan Aplikasi Mudah Alih Dalam Penyebaran Dakwah Islam.
- Nazri, O., & Osman, K. KEPELBAGAIAN MEDIUM DAKWAH USTAZ AZHAR IDRUS.
- Nike Meilinda Anggreini, (2016), Pemanfaatan Media Sosial Twitter di Kalangan Pelajar SMK Negeri 5 Samarinda.
- Nur Fazira Abdul Hamid, Muhammad Asnan Pitchan, (2019), Pusat Komunikasi dan Masyarakat Digital, Faktor Pendedahan Maklumat Diri di Twitter dan Implikasi Terhadap Golongan Pelajar.
- Sari, M. S. (2019). Analisis Bacaan Al-Quran Dai/ah Selebriti (Studi Analisis Ilmu Tajwid).
- Suhaimi, M. (2019). Penguasaan Pembelajaran Ilmu Tajwid dalam Kalangan Pelajar Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).
- Tokoh, M. KETOKOHAN USTAZ MOHD TARMIZI DALAM BIDANG DAKWAH.
- Usman, F. (2016). Efektivitas Penggunaan media online sebagai sarana dakwah. *Al-Tsiqoh: Jurnal Ekonomi Dan Dakwah Islam*, 1(1), 1-8.
- Willi, (2015), Distributed twitter crawler.
- Wilkins, F., Hakeem, L., Batumalai, P., & Jasmi, K. A. (2019). Media Sosial dan Dampak Positif Menurut Islam. In *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia* (Vol. 2019).
- Zukhrufillah, I. (2018). Gejala Media Sosial Twitter Sebagai Media Sosial Alternatif. *Al-I'lam: Jurnal Komunikasi dan Penyiaran Islam*, 1(2), 102-109